

28 FEB 2002

Mahathir-Pelajar

KERAJAAN KAJI SEKAT PELAJAR KE NEGARA TERTENTU

SEPANG, 28 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menyekat rakyat negara ini melanjutkan pelajaran ke negara-negara tertentu.

Perdana Menteri berkata sekatan itu yang akan membabitkan semua bidang pengajian termasuk agama bertujuan memastikan mereka yang hendak pergi ke luar negara terdiri daripada kalangan yang benar-benar hendak belajar dan memasuki institusi pendidikan yang diiktiraf.

"Kita sedang mengkaji bagaimana kita nak sekat mereka pergi belajar seperti di Afghanistan, di mana mereka bukan belajar agama tapi belajar bagaimana nak menggulingkan kerajaan dengan cara kekerasan," katanya pada sidang media di Kompleks Bunga Raya KLIA sekembalinya daripada bercuti selama sebulan di luar negara.

Dr Mahathir yang diminta mengulas peristiwa penahanan 12 pelajar Malaysia oleh pihak berkuasa Yemen minggu lepas, berkata kerajaan memang tidak senang hati dengan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara untuk mendapatkan kelulusan yang tidak pasti boleh disahkan.

"Keluar negara kononnya nak belajar agama, dan kita dapati kadang-kadang mereka tak belajar agama ataupun mereka pergi ke institusi yang tidak diiktiraf bukan sahaja oleh kita tetapi oleh kerajaan negara berkenaan sendiri," katanya.

Dalam kejadian minggu lepas, pihak berkuasa Yemen menahan 12 pelajar Malaysia yang menuntut di Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Taiz, 120 kilometer dari ibu negara Sana'a, kerana madrasah itu tidak berdaftar.

Kumpulan pelajar itu yang berumur antara 15 dan 25 tahun ditahan oleh sebuah pasukan khas mengikut satu undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, dalam operasi besar-besaran pihak berkuasa Yemen terhadap sekolah-sekolah agama dan madrasah.

Bagaimanapun, pelajar-pelajar Malaysia itu dibebaskan malam tadi dan kini diletakkan di bawah jagaan Kedutaan Malaysia di Sana'a. Pihak berkuasa Yemen dilaporkan bersedia membantu menempatkan semula pelajar-pelajar itu di institusi pengajian yang berdaftar di negara itu.

Dr Mahathir turut menasihati mereka yang ingin belajar di luar negara supaya mendaftar dengan Wisma Putra dan menentukan institusi yang ingin mereka belajar.

Dalam kes di Yemen itu, beliau berkata, kerajaan mendapati bahawa institusi yang disertai oleh pelajar Malaysia yang terbabit berkeadaan amat daif.

"Ia tidakpun setaraf dengan sekolah menengah di negara ini," kata Perdana Menteri.

"Kita berpendapat bahawa mereka apabila lulus di sana dan kembali ke tanah air akan dianggap berkelulusan dalam bidang agama tetapi mungkin pengetahuan mereka dalam bidang agama begitu cetek sekali," katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu akan menyumbang kepada kekeliruan yang terdapat di kalangan sebilangan besar rakyat Malaysia mengenai Islam, yang menyebabkan mereka bertindak dengan cara tidak mengikut ajaran Islam.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan melaksanakan sekatan yang dicadangkan itu secepat mungkin.

-- BERNAMA
AFY AFY MAI